

GARIS PANDUAN PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DAN KAJIAN PENYELIDIKAN AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

PENGENALAN

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) menerima pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang ingin menjalani latihan industri di agensi ini bagi memenuhi syarat kelulusan pengajian yang diikuti. Nuklear Malaysia turut menerima pelajar dan penyelidik dari IPT serta institusi kerajaan dan swasta bagi melaksanakan penyelidikan secara sangkutan di Nuklear Malaysia.

Program latihan industri dan kajian penyelidikan secara sangkutan di Nuklear Malaysia diperkenal dengan tujuan memberi peluang pembelajaran kepada dunia pekerjaan sebenar di samping memperkasa kompetensi yang diperlukan oleh pelajar dan penyelidik. Urusan penempatan pelajar latihan industri dan sangkutan kajian penyelidikan di Nuklear Malaysia diselaras dan diurus oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BSM).

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

- mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar;
- mendedahkan pelajar kepada pengetahuan dan teknologi terkini di pasaran;
- mendedahkan pelajar kepada amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran (terutamanya kemahiran insaniah) dan pengalaman pelajar dengan organisasi;
- melahirkan graduan yang kompeten serta mempertingkatkan peluang pekerjaan; dan
- merapatkan jaringan antara pihak IPT dengan industri.

BILANGAN TEMPAT YANG DITAWARKAN

Bilangan tempat yang disediakan pada satu-satu masa bergantung kepada keupayaan, kesesuaian dan boleh diurus dengan mengambil kira aspek berikut:-

- Pegawai penyelia yang ada
- Bidang latihan atau penyelidikan yang diperlukan;
- Kebolehgunaan alat dan kelengkapan;
- Bentuk penyeliaan latihan atau penyelidikan yang mampu diberi;
- Keselamatan dan kesihatan; dan
- Tidak menjejaskan keutamaan Nuklear Malaysia

BIDANG PENGAJIAN

Bidang pengajian yang ditawarkan adalah dalam bidang penggunaan teknologi nuklear mengikut kelompok penyelidikan Nuklear Malaysia seperti berikut :-

- Bahan termaju dan pembuatan termaju
- Alam sekitar dan sisa
- Radiofarmasi dan biofarmasi
- Produk berasaskan biosumber semula jadi
- Pengimejan perubatan
- Tenaga boleh diperbaharui
- Keutuhan loji dan struktur
- Tanaman industri meliputi mutagenesis, bioteknologi tumbuhan, omamental dan aspek agronomi
- Polimer asli dan polimer sintetik
- Pembangunan kejuruteraan meliputi reaktor penyelidikan
- Keselamatan dan kesihatan sinaran
- Penjanaan kuasa elektrik alternatif – kuasa nuklear
- Nanoteknologi dan nanobahan
- Kejuruteraan elektrik, elektronik, mekanikal dan mekatronik
- Teknologi maklumat dan komunikasi

DOKUMEN PERMOHONAN

Dokumen yang diperlukan semasa menghantar permohonan latihan industri/kajian penyelidikan di Nuklear Malaysia adalah:

- Surat permohonan rasmi menjalani latihan industri/kajian penyelidikan melalui IPT/institusi
- Resume/C.V. beserta gambar yang terkini
- Transkrip akademik
- Kertas cadangan projek penyelidikan pelajar (bagi permohonan menjalankan kajian penyelidikan/sangkutan sahaja)

Dokumen ini diperlukan oleh urusetia bagi mempermudah urusan penempatan pelajar latihan industri dan sebagai rujukan untuk pihak pengurusan Nuklear Malaysia dalam mempertimbangkan permohonan melaksanakan kajian penyelidikan di Nuklear Malaysia. Hanya PERMOHONAN YANG LENGKAP layak dipertimbangkan untuk penempatan dan kelulusan.

Surat permohonan rasmi dan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui pos kepada alamat berikut:

Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia
Blok 11, Kompleks Bangi
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
(u.p: Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Manusia)

Tarikh akhir bagi penghantaran permohonan **pelajar latihan industri** adalah seperti jadual berikut:

Sesi Pendaftaran Pelajar	Jan/Feb/Mac/Apr	Mei/Jun/Julai/Ogos	Sept/Okt/Nov/Dis
Tarikh Akhir Penerimaan Permohonan	31 Oktober	28 Februari	30 Jun

Permohonan latihan industri yang berjaya akan dimaklumkan kepada pihak IPT melalui surat tawaran untuk tindakan lanjut mengikut tarikh seperti berikut:

Sesi Pendaftaran Pelajar	Jan/Feb/Mac/Apr	Mei/Jun/Julai/Ogos	Sept/Okt/Nov/Dis
Tarikh Akhir Pemakluman kepada IPT	15 Disember	15 April	15 Ogos

Manakala, tarikh akhir bagi penghantaran permohonan bagi kajian penyelidikan secara sangkutan di Nuklear Malaysia adalah **selewat-lewatnya ENAM (6) MINGGU** sebelum tarikh pelajar/penyelidik mula melaksanakan kajian penyelidikan di Nuklear Malaysia.

Permohonan latihan industri/kajian penyelidikan yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelajar/penyelidik melalui surat jawapan rasmi yang akan dihantar melalui pos kepada pihak IPT/institusi.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Nuklear Malaysia tidak menyediakan kemudahan penginapan dan pengangkutan kepada pelajar atau penyelidik yang diterima untuk menjalani latihan industri atau melaksanakan kajian penyelidikan. Nuklear Malaysia juga tidak menyediakan elaun latihan kepada pelajar latihan industri disebabkan kekangan peruntukan yang terhad. Manakalan, bagi pelajar/penyelidik yang menjalankan penyelidikan di bawah projek yang dibiayai oleh *science-fund/techno-fund*, tuntutan elaun boleh dibuat kepada ketua projek masing-masing tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Sila rujuk **Carta Alir Permohonan Penempatan Pelajar Latihan Industri di Agensi Nuklear Malaysia** bagi prosedur lengkap penempatan latihan industri/kajian penyelidikan.

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang maklumat atau persoalan lanjut berkaitan urusan penempatan pelajar latihan industri dan kajian penyelidikan boleh berhubung dengan pegawai berikut:

Nama : Nor Hazirah binti Ishak
E-mel : hazirah@nuclearmalaysia.gov.my
No. tel : 03-8911 2000 samb. 1211

Nama : Nuraini binti Umar
Emel : nuraini@cc.nuclearmalaysia.gov.my
No. tel : 03-8911 2000 samb. 1244